

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, August 15, 2019 8:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Korban Sembilan Ekor Lembu



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 OGOS 2019 / 14 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM KORBAN SEMBILAN EKOR LEMBU



UUM ONLINE: Warga Universiti Utara Malaysia (UUM) berkongsi rezeki dengan melaksanakan ibadah korban untuk disedekahkan kepada umat Islam sempena sambutan hari raya Aidil Adha, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Ismail Ishak berkata, ibadah korban merupakan tanda syukur seorang hamba di atas pelbagai nikmat yang telah dikurniakan kepada kita agar berkongsi rezeki demi mendapat keredaan Allah.

Menurutnya, sebanyak sembilan ekor lembu ditumbangkan pada Majlis Ibadah Qurban Dan Aqiqah 1440H UUM.

Katanya, pada kali ini, kerja penyembelihan lembu dijalankan di Kampung Malau Agrofarm, Desa Keda Malau bermula jam 12 tengah malam sebelum dibawa ke UUM.

“Daging korban dan aqiqah sampai ke Tapak Penyembelihan, Masjid Sultan Badlishah pada jam 4 pagi sebelum petugas memulakan gotong-royong pada jam 8 pagi dengan penyertaan petugas terlatih dan berdaftar, sekali gus melicinkan semua urusan.

“Kecekapan pengurusan proses penyembelihan korban pada kali ini membolehkan daging korban diagihkan dengan lebih banyak daripada tahun sebelumnya. Lebih 700 bungkusan daging telah diagihkan kepada kakitangan dan pelajar UUM, UPSB dan fakir miskin yang dikenal pasti di sekitar UUM,” katanya.

Tambah beliau, tanggal 10 Zulhijah, seluruh umat Islam menyambut hari raya Aidiladha dan menunaikan ibadah Haji di Mekah.

Menurutnya, bagi umat Islam yang tidak pergi haji digalakkan untuk berpuasa, bersedekah dan paling utama menyembelih binatang korban pada 10 Zulhijjah atau hari Tasyrik iaitu 11, 12, dan 13 Zulhijah bagi mencontohi pengorbanan agung Nabi Ibrahim dalam mentaati perintah-Nya,” katanya.

Katanya, hikmah penyembelihan binatang korban sebagai simbolik untuk menghilangkan sifat haiwan yang ada pada manusia seperti tamak, kedekut, sombong dan dengki.

Selain itu katanya, Pusat Islam sentiasa membuka peluang dan mendidik warga kampus untuk turut serta dalam ibadah korban menerusi potongan gaji bermula bulan Januari hingga Jun 2019.

“Dengan cara ini lebih ramai staf berpeluang menyertai program ibadah korban saban tahun dengan bayaran serendah RM123.33 setiap bulan secara berperingkat,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.